

09 JAN 1997

Mahathir - Tugas

MENTERI-MENTERI DIBERI TUGAS PESATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI

ALOR SETAR, 9 Jan (Bernama) -- Semua menteri telah diberi tugas khas pada mesyuarat kabinet semalam dalam usaha kerajaan memesatkan lagi pembangunan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil melahirkan keyakinannya bahawa 1997 menjanjikan "kejayaan", Perdana Menteri berkata tugas-tugas yang senaraikan itu, sebahagiannya baru dan yang lain merupakan kesinambungan daripada program yang lepas, dapat merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi.

"Saya beritahu menteri supaya tidak payah menghebohkan apa yang kita harus lakukan. Jadi, tak payahlah saya huraikan apa dia," katanya pada persidangan berita selepas perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Kedah di akhir lawatan kerja sehari ke Kubang Pasu, kawasan parlimen yang diwakilinya.

Selain memesatkan pertumbuhan ekonomi, Perdana Menteri berkata usaha itu dipercayai dapat meningkatkan eksport dagangan negara, mengurangkan defisit imbalan pembayaran serta mengawal inflasi.

"Dengan itu, kita percaya tahun 1997 akan menunjukkan kejayaan... jika tidak lebih baik daripada 1996, sekurang-kurangnya sama."

Dr Mahathir berkata langkah itu perlu bagi menangani beberapa masalah yang dihadapi termasuk dalam imbalan pembayaran dan inflasi.

Menurutnya kerajaan ingin melihat rakyat mempunyai kuasa membeli yang lebih melalui kawalan terhadap inflasi selain berusaha meningkatkan pendapatan per kapita supaya mereka lebih makmur.

Beliau berkata strategi itu mungkin diperpanjangkan ke negeri-negeri kerana menurutnya ada juga usaha perlu dilakukan di peringkat negeri.

"Saya boleh bincang dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri. Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (Umno), kita akan membincangkan perkara ini," katanya.

Pada persidangan berita itu, Perdana Menteri turut diminta mengulas mengenai rancangan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan sistem persekolahan satu sesi yang mendapat reaksi berbeza, khususnya tentangan oleh Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan (NUTP).

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh memuaskan hati semua pihak. Kita tidak buat sesuatu itu untuk merugikan sesiapa."

"Kita utamakan kepentingan penuntut (tetapi) dalam usaha mengutamakan penuntut, kadangkala ada pihak yang berpendapat bahawa kepentingan mereka dibelakangkan."

Beliau berkata sekiranya kerajaan mengutamakan pula kepentingan pihak berkenaan, kepentingan penuntut mungkin dibelakangkan.

"Yang mana utama dalam hal ini...penuntut ataupun kesatuan sekerja?" katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sebenarnya ramai guru yang bersetuju dengan cadangan itu kecuali NUTP saja yang menentangannya.

Kementerian Pendidikan bercadang untuk memperkenalkan sistem persekolahan satu sesi itu dari 8 pagi hingga 3.30 petang, mulai penggal persekolahan kedua bermula 9 Jun ini. -- BERNAMA

MZM MFJ MAI